

2,000 pelajar UMSKAL terima Baucer Buku 1 Malaysia

UB 22 Mac 2016 2

LABUAN: Seramai 2,000 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menerima Baucer Buku 1 Malaysia (BB1M) 2016 di Dewan Utama, kelmarin.

Majlis penyerahan baucer itu disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Turut mengiringi beliau ialah Ketua Bahagian Kewangan Nazir Abd Manan dan Ketua Bahagian Hal

MURNIZAM (lima kanan) menyerahkan Baucer Buku 1 Malaysia kepada pelajar UMSKAL di Dewan Utama, kelmarin.

Ehwal Pelajar (HEP) Nur Iman Reedzal.

Penerima baucer itu merupakan pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) UMSKAL.

Baucer itu merupakan inisiatif Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bagi meringankan beban pelajar universiti untuk membeli buku akademik.

Murnizam menasihatkan pelajar supaya menggunakan baucer itu untuk membeli buku yang berkaitan dengan pembelajaran mereka di fakulti masing-masing.

“Gunakan baucer daripada

kerajaan itu untuk membeli buku pembelajaran masing-masing. Kita ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang mahumeringankan beban pelajar universiti,” katanya selepas Majlis Penyerahan Baucer Buku 1 Malaysia di Dewan Utama UMSKAL, kelmarin.

Setiap pelajar universiti menerima baucer buku berjumlah RM250 yang sebelum ini bernilai RM200.

Turut membantu melancarkan penyerahan baucer buku itu ialah kakitangan Bahagian Kewangan, Akademik, Hal Ehwal Pelajar, FKAL, FKI dan Keselamatan.

